



## KENYATAAN MEDIA

# SAMBUTAN BULAN WAKAF KEBANGSAAN TAHUN 2022 / 1443H

---

**Kuala Lumpur, 3 April 2022** – Menyambut baik inisiatif Kerajaan untuk memperkasakan wakaf sebagai instrumen agihan semula kekayaan bagi pembangunan ekonomi ummah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) meneruskan sambutan Bulan Wakaf Kebangsaan Tahun 1443H / 2022M.

Sambutan kali ini disempurnakan oleh YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengurus YWM dengan tema “Wakaf Mensejahterakan Keluarga Malaysia”. Beliau dalam ucapan perasmian sambutan Bulan Wakaf Kebangsaan berkata, Kerajaan kini menjadikan wakaf sebagai salah satu instrumen yang mampu menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Sepuluh strategi melibatkan peranan wakaf yang meliputi pelbagai aspek dinyatakan di dalam RMKe-12, antaranya menggalakkan sistem kewangan yang mampan dan inklusif serta memanfaatkan sepenuhnya tanah rizab Melayu dan instrumen wakaf.

Tambahan beliau, dengan tema sambutan kali ini, Kerajaan melalui JAWHAR, YWM dan MAIN termasuk universiti-universiti awam bergerak seiring dalam usaha membudayakan wakaf dalam kalangan Keluarga Malaysia. Beliau turut menyeru kepada semua masyarakat untuk menyuburkan amalan berwakaf walau serendah seringgit (RM1), bertepatan dengan ketibaan bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Dana wakaf yang disumbangkan ini akan berkekalan selama-lamanya dan keuntungannya nanti bakal dituai di Akhirat kelak.

Seluruh rakyat Malaysia dijemput untuk sama-sama mengikuti pelbagai program wakaf yang telah disusun khas sepanjang bulan Ramadan ini seperti Bual Bicara Wakaf, Pelancaran Dana Wakaf bersama GLC/GLIC, Webinar Wakaf Bersama MAIN, Forum Wakaf, Santai Wakaf bersama Ustaz Elyas Ismail, Kaunter Wakaf YWM dan lain-lain. Maklumat terperinci berkaitan program wakaf ini boleh diakses menerusi Facebook JAWHAR dan YWM.

Pertanyaan lanjut boleh hubungi Puan Hanim Idzura binti Mohd Kalyubi di talian 019-3888016.

**Jabatan Wakaf Zakat dan Haji**

**Yayasan Waqaf Malaysia**

**3 April 2022**